

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL  
RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian telah berusaha mencari sumber tenaga yang mampan seperti "*hydro*" dan sebagainya bagi mengelakkan kebergantungan kepada "*depletable resources*" seperti minyak, gas dan arang batu bagi menjana tenaga elektrik. Nyatakan juga apakah pendirian Kementerian dengan "*nuclear power plant*".

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian telahpun mengorak langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada "*depletable resources*" (dengan izin) seperti minyak, gas dan arang batu bagi menjana tenaga elektrik sejak Rancangan Malaysia ke-5 (1986-1990). Dasar Lima Bahan Api yang telah diperkenalkan pada tahun 2000, telah mengenal pasti sumber tenaga boleh baharu (TBB) seperti biomas, biogas, hidro kecil dan solar sebagai bahan api ke-lima, selain arang batu, gas, minyak dan hidro untuk penjanaan elektrik.

2. Pada masa kini, pecahan bahan api untuk penjanaan elektrik bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 52% daripada gas, 42% daripada sumber berasaskan arang batu, 5% daripada hidro dan 1% daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB). Menjelang tahun 2020, campuran bahan api untuk penjanaan elektrik adalah dianggarkan sebanyak 64% daripada sumber arang batu, 29% gas, 4% hidro dan 3% daripada sumber TBB. Hampir semua sumber hidro di Semenanjung

telah pun dibangunkan, manakala potensi sumber hidro di Negeri Sarawak dianggarkan dalam lingkungan 20,000MW. Bagi Negeri Sabah pula, potensi sumber hidro dianggarkan sebanyak 550MW.

3. Berhubung dengan penggunaan nuklear sebagai salah satu daripada bahanapi bagi penjanaan tenaga elektrik, Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mengenainya, walaupun penjanaan elektrik daripada sumber nuklear terbukti dapat mengurangkan kos penjanaan dan juga tidak melepaskan gas-gas rumah hijau. Aktiviti yang sedang dilaksanakan pada masa ini adalah tertumpu kepada kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan kesediaan negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Sehubungan itu, sekiranya penjanaan kuasa nuklear perlu diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI NASRUDIN BIN  
DARIPADA HASSAN [ TEMERLOH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelajar Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan dibenarkan menduduki peperiksaan UEC (Unified Examination Certificate). Sekiranya tidak dibenarkan, adakah sekolah tersebut akan dikenakan tindakan jika pelajarnya tetap menduduki peperiksaan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Surat Kelulusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta KP/KPPM/BPSWASTA (23) bertarikh 26 Julai 2012, status Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan, Pahang ialah **sebuah institusi pendidikan swasta**.

Merujuk para 8 surat kelulusan tersebut, kurikulum yang telah dilulus untuk dilaksanakan di sekolah tersebut adalah Kurikulum Kebangsaan (KBSM/KSSM) dan mengikuti peperiksaan oleh badan pensijilan yang ditetapkan iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia seperti para 3.7.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum bahawa institusi ini akan juga melaksanakan mata pelajaran di luar Kurikulum Kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam para 8, surat kelulusan tersebut.

Sehubungan dengan itu, sebagai sebuah institusi pendidikan swasta, sekolah ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam surat Kelulusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta KP/KPPM/BPSWASTA (23) bertarikh 26 Julai 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan berhubung kegagalan Kementerian dalam usaha mempergiatkan amalan kitar semula (3R), tetapi semata-mata bergantung pada insinerator yang telah pun dibuktikan ketidakcekapannya mahupun pembaziran sumber tenaga dan wang dalam proses penghapusan sisa pepejal.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan pihak Kerajaan telah gagal dalam usaha mempergiatkan amalan kitar semula adalah kurang tepat. Ini adalah kerana kadar kitar semula negara telah berjaya ditingkatkan dari 5% pada tahun 2005 kepada 10.5% pada tahun 2012 melalui program-program dan kempen-kempen yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Usaha bagi mendidik dan mengubah minda masyarakat dalam menjadikan aktiviti kitar semula sebagai satu budaya bukan sahaja akan diteruskan malah akan dipergiatkan. Pihak Kerajaan sedar bahawa usaha ini adalah merupakan strategi jangka masa panjang dan adalah merupakan langkah yang paling tepat bagi menangani penghasilan sisa pepejal negara yang semakin meningkat saban tahun.

Kajian Komposisi Sisa Pepejal, Ciri-Ciri dan Amalan Kitar Semula di Malaysia yang dijalankan pada 2011-2012 menunjukkan sekitar 85% daripada jumlah sisa yang dijana oleh isi rumah di Malaysia dihantar dan

dilupuskan terus ke tapak-tapak pelupusan. Manakala baki peratusan kadar 10.5% kitar semula meliputi rawatan dan pengasingan sisa serta aktiviti pengkomposan. Bahan-bahan utama kitar semula meliputi logam (29.3%), kayu pallet (22.5%), bahan-bahan biomass (20%) dan plastik (8%).

Jumlah sisa pepejal yang dihantar terus ke tapak-tapak pelupusan dijangka akan dapat dikurangkan menerusi pelaksanaan “Pengasingan Sisa di Punca” oleh setiap isi rumah secara mandatori mulai September 2015 secara berperingkat-peringkat bagi Negeri-Negeri yang menerima pakai Akta 672. Pada masa sama, pusat-pusat kitar semula akan dipertingkatkan dan ditambahbaik bagi mencapai tujuan di atas.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014